

DENDA

KESALAHAN PEMAJUAN/PEMBANGUNAN TANPA KEBENARAN MERANCANG

TIADA SEORANGPUN BOLEH MEMULA,
MENGUSAHA ATAU MENJALANKAN
APA-APA PEMAJUAN LAIN DARIPADA
YANG MENURUT KEBENARAN MERANCANG
YANG DIBERI KEPADANYA
DI BAWAH SEKSYEN 22
BERKENAAN DENGAN KEMAJUAN ITU
ATAU SYARAT-SYARAT
KEBENARAN MERANCANG ITU
ADALAH MENJADI KESALAHAN
PEMAJUAN ATAU PEMBANGUNAN
TANPA KEBENARAN MERANCANG
DAN APABILA SABIT KESALAHAN
BOLEH DIKENAKAN
DENDA TIDAK LEBIH DARIPADA
RM100,000.00 DAN
DENDA TAMBAHAN SEHINGGA
RM1000.00
BAGI TIAP-TIAP HARI BERKENAAN
DENGAN SESUATU KESALAHAN
YANG BETERUSAN SELEPAS
SABIT KESALAHAN PERTAMA.

Permohonan berkaitan hendaklah
dikemukakan kepada:-

Unit Kaunter Setempat (OSC)

Ruang Legar
Majlis Bandaraya Ipoh
Jalan Sultan Abdul Jalil,
Greentown, 30450 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan

Untuk keterangan lanjut,
sila hubungi

Tel : 05 - 208 3380


HOTLINE MBI

05-255 1515

Pindaan dan perubahan apa-apa perkara di atas
• adalah tertakluk kepada kelulusan semasa oleh Majlis

REKABENTUK : MAJLIS BANDARAYA IPOH
HAKCIPTA TERPELIHARA

PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK PEMAJUAN TANAH DAN BANGUNAN



IPOH BERSIH, HIJAU DAN MEMBANGUN

KEBENARAN MERANCANG

APA ITU KEBENARAN MERANCANG?

Menurut Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172), Kebenaran Merancang ditafsirkan sebagai kebenaran yang dibeai, dengan atau tanpa syarat untuk menjalankan pemajuan.

APA ITU "PEMAJUAN" ATAU "PEMBANGUNAN"?

Menurut Akta 172, "pemajuan" atau "pembangunan" ditafsirkan sebagai menjalankan apa-apa kerja bangunan, kejuruteraan, perlombongan, seumpamanya pada, di atas, disebelah atas atau di bawah tanah, membuat sesuatu perubahan matan tentang penggunaan sesuatu tanah atau bangunan atau mana-mana bahagian daripadanya, atau memecah-sembadan atau mencantumkan tanah; dan "membangun" atau "memaju" hendaklah ditafsir dengan sewajarnya.



PERKARA-PERKARA YANG MEMERLUKAN KEBENARAN MERANCANG

Menurut Kaedah-kaedah Pengawalan Perancangan (Am) Negeri Perak, 1991, Kebenaran Merancang dimestikan berkenaan dengan pemajuan berikut:

- a) Untuk *mendirikan/membina/menjalankan di atas tanah yang diperihalkan suatu bangunan/ bangunan-bangunan/kerja-kerja mengikut pelan yang disertakan;
- b) Untuk memecah bahagian tanah yang diperihalkan mengikut pelan yang disertakan;
- c) Untuk menyatukan tanah-tanah yang diperihalkan mengikut pelan yang disertakan;
- d) Untuk membuat perubahan yang matan dalam penggunaan tanah yang diperihalkan mengikut pelan yang disertakan;
- e) Untuk membuat perubahan yang matan dalam penggunaan bangunan di atas tanah yang diperihalkan mengikut pelan yang disertakan;
- f) Untuk menjalankan *tambahan/perubahan ke atas sesuatu bangunan di atas tanah yang diperihalkan mengikut pelan yang disertakan.

CARA MEMOHON KEBENARAN MERANCANG

Setiap pemohon yang ingin memohon Kebenaran Merancang hendaklah terlebih dahulu berhubung dengan Unit Kaunter Setempat (OSC) untuk mendapat keterangan yang lebih tepat terhadap keperluan dokumen-dokumen yang perlu disertakan sebelum mengemukakan sebarang permohonan. Ini adalah supaya setiap permohonan yang dikemukakan dapat diproses dengan lancar oleh setiap agensi kerajaan yang terlibat mengikut tempoh yang ditetapkan.

Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini hendaklah berhubung dengan Unit Kaunter Setempat (OSC) di alamat berikut :-

Unit Kaunter Setempat (OSC)
Ruang Legar
Majlis Bandaraya Ipoh,
Jalan Sultan Abdul Jalil,
Greentown, 30450 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tel : 05 - 208 3380

